

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Kota Kinabalu khasnya untuk menghubungkan bandar sekitarnya seperti Penampang, Putatan dan Inanam

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pengangkutan adalah amat perihatin dan sentiasa melaksanakan langkah-lanhkah untuk menambahbaik sistem pengangkutan awam di kawasan bandar dan di luar bandar di seluruh negara secara berterusan.
2. Sebagai salah satu usaha mengadakan perkhidmatan pengangkutan awam yang holistik dan berkesan, menerusi permit-permit yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Negeri Sabah, Kementerian Pengangkutan telah menyokong penyediaan perkhidmatan pengangkutan bas berhenti-henti, bas mini, teksi dan *e-hailing* yang menghubungkan Kota Kinabalu dengan kawasan Penampang, Putatan dan Inanam.
3. Pihak LPKP Sabah juga secara berterusan, sentiasa meneliti permit-permit perkhidmatan bas henti-henti, teksi dan *e-hailing* yang telah diluluskan, dan sekiranya mempunyai keperluan dan permintaan daripada penumpang, permit-permit tambahan boleh dipertimbangkan bagi menyediakan perkhidmatan tambahan di ketiga lokasi terbabit.
4. Selain itu, perkhidmatan teksi dan *e-hailing* adalah merupakan pilihan tambahan kepada orang ramai atau penumpang tempatan dari segi kesinambungan peringkat pertama dan terakhir perjalanan

NO. SOALAN: 15

atau pun “first and last mile connectivity”. Kedua-dua perkhidmatan ini mudah dicapai dan operasinya boleh menjangkau ke seluruh negeri Sabah termasuk ketiga-tiga kawasan terlibat.

5. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan dalam usaha memperkenalkan satu sistem perkhidmatan bas henti-henti di kawasan Kota Kinabalu dan kawasan utama di sekitarnya di bawah Program Transformasi Bas Henti-Henti atau Stage Bus Services Transformation Programme (SBST). Program ini kelak akan mempunyai modus operandi yang sama seperti mana yang sedang berjalan di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia termasuk di Seremban, Kuala Terengganu dan Ipoh. Proses perbincangan berkenaan masih berlangsung dan dijangka dapat dimuktamadkan sebelum akhir tahun 2020.
6. Menerusi penyediaan perkhidmatan bas henti-henti di bawah program SBST, satu perkhidmatan bas henti-henti yang moden, selamat, efisien, menyeluruh dan berkesan akan dapat disediakan untuk kebaikan dan membawa manfaat kepada penduduk tempatan di Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 15
